

(23 Oktober 2020) Sinar, P.24

'Buka semula Taman Persekutuan Bukit Kiara'

Penduduk TTDI harap operasi taman rekreasi itu dibuka dengan pematuhan SOP

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

KUALA LUMPUR

Penduduk Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di sini berharap pihak pengurusan Taman Persekutuan Bukit Kiara membuka semula operasi di taman rekreasi itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) susulan wabak koronavirus (Covid-19) yang berlangsung di Kuala Lumpur ketika ini.

Pengerusi Persatuan Penduduk TTDI, Abdul Hafis Abu Bakar berkata, arahan penutupan taman berkenaan perlu diperimbangkan kerana kawasan rekreasi itu amat luas dan tidak memungkinkan sebarang sentuhan dengan individu lain bagi mana-mana orang yang beriadah di situ.

"Kalau kita tengok taman-taman awam di bawah kelolaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur masih ditutup kepada orang awam.



ABDUL HAFIS



SHOHAIMY

(DBKL), semuanya beroperasi seperti biasa sejak 19 Oktober lalu.

"Bagaimanapun, Taman Persekutuan Bukit Kiara di bawah Jabatan Landskap Negara pula ditutup, jadi saya rasa lebih baik

operasi taman ini juga dapat dipertimbangkan untuk dibuka semula kepada orang awam sama seperti yang dilaksanakan di taman awam lain di Kuala Lumpur," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Landskap Negara memaklumkan penutupan sepenuhnya Taman Persekutuan Bukit Kiara bermula 14 Oktober lalu sehingga pelaksanaan PKPB berakhir.

Pada 19 Oktober lalu, DBKL mengumumkan pembukaan semula operasi taman-taman awam mereka untuk kegunaan orang ramai namun ia tidak melibatkan Taman Persekutuan Bukit Kiara.



Arahan penutupan Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur sehingga PKPB berakhir.

Banyak penduduk kawasan sekitar dan pengunjung taman rekreasi itu mengkritik langkah tersebut kerana ia dibuat berdasarkan dasar yang tidak seragam.

Tambah membingungkan penduduk ialah dasar yang berat sebelah. Misalnya, padang golf Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) yang terletak di kawasan berhampiran terus dibuka dan ramai pemain golf bermain golf semasa PKPB.

Seorang pengunjung berkata: "Apakah isyarat yang hendak ditunjukkan melalui dasar kerajaan yang melarang orang berjoging dan berjalan di Taman Persekutuan Bukit Kiara tetapi membenarkan golongan yang bermain golf bermain golf tanpa halangan."

Sementara itu, Penasihat Persatuan Penduduk Kampung Sungai Penchala, Datuk Abul Hasan berkata, taman berkenaan boleh dibuka semula kepada orang ramai namun memerlukan pemantauan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

"Semua ini sebenarnya atas diri masing-masing. Tidak salah nak buka semula tapi semua pihak perlu patuhi SOP yang dite-

Taman-taman awam DBKL yang dibuka semula:

- Taman Botani Perdana
- Taman Awam Bukit Kiara
- Taman Tasik Titiwangsa
- Taman Tasik Manjalara
- Taman Metropolitan Kepong
- Taman Metropolitan Batu
- Taman Tasik Datuk Keramat
- Taman Tasik Permaisuri
- Taman Bukit Jalil
- Taman Tasik Ampang Hilir
- Taman Alam Damai
- Taman Tasik Duanu Kota
- Taman Tasik Sri Rampai
- Taman Kejiranan Ayer Panas
- Taman Rimba Bukit Kerinchin
- Taman Rekreasi Pudu Ulu

tapkan," kata beliau.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Sungai Penchala, Shohaimy Saad berkata, beliau turut menyokong pembukaan taman berkenaan se-waktu PKPB di Kuala Lumpur namun ia perlu dilaksanakan dengan SOP yang ketat.

Shohaimy berkata, pihaknya turut menangguhkan dahulu pembukaan pasar malam di kawasannya bagi mengelakkan penularan pandemik Covid-19.